

UMS lancar laman web baharu, saluran UMS Net

UB 3.12.2020 P.4

Sebagai usaha mempertingkatkan mutu perkhidmatan

oleh Wei Cheong Ngiam

KOTA KINARAU: Laman web rasmi Universiti Malaysia Sabah (UMS) kini tampil dengan reka bentuk baharu, berimaj profesional dan korporat serta pengisian yang lebih mantap dan mesra pengguna.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin berkata, usaha memperbaharui laman web UMS adalah sebahagian daripada perancangan strategik universiti untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan kepada pemegang taruh dan masyarakat umum.

"Keperluan untuk menaik-taraf laman web rasmi UMS ini menjadi semakin kritikal ketika negara berdepan dengan pandemik COVID-19. Pergerakan secara fizikal dikawal untuk mencegah penularan jangkitan wabak ini.

"Kesannya, aktiviti seharian pelajar dan warga akademik tidak seperti kebiasaan dan pergaulangan terhadap sistem penyampaian universiti yang cepat, tepat dan mudah secara talian amat diperibadikan. Ini adalah sebahagian daripada norma baharu kehidupan yang saya percaya akan mula sebari dalam diri kita semua pada masa hadapan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Laman Web Rasmi UMS Baharu dan Saluran YouTube Rasmi 'UMS Net' di sini, semalam.

Beliau berkata, laman web dan saluran YouTube serta semua platform media sosial adalah wadah untuk UMS



TAUFIQ

menyampaikan maklumat universiti terutama kepada semua yang mempunyai akses Internet sama ada di dalam mahupun di luar negara.

"Ciri terkini di dalam laman web rasmi UMS baharu ialah rumah atar maklumat di laman utama yang lebih baik dan menarik seperti tayangan klip video mengenai UMS, capaian ke atas maklumat mengenai aktiviti dan kejayaan penyelidikan dan inovasi di UMS.

"Selain itu, ia juga memudahkan capaian ke atas maklumat penerbitan jurnal dan buku di UMS, sebaran peritama atau berita yang berlaku di UMS serta paparan mengenai kehidupan berbangsa dan mempromosi keindahan kampus UMS," katanya.

Tambahnya, pengguna boleh melayari laman web baharu UMS di www.ums.edu.my untuk melihat sendiri ciri-ciri terkini paparan

antara muka dan maklumat berhubung semua aktiviti universiti.

Sementara itu katanya, saluran rasmi YouTube 'UMS official' yang dijenamakan kepada 'UMS Net' akan menghimpunkan video hasil kreativiti warga UMS dalam melapor dan mendokumentasi semua aktiviti rasmi UMS di dan luar kampus.

"Selain itu, 'UMS Net' juga memaparkan klip video berkaitan pencapaian warga UMS dan pemegang taruh yang diumumkan oleh organisasi media.

"Para pengunjung juga boleh merononni aktiviti dan mendapatkan maklumat mengenai fakulti, institut, pusat dan jabatan yang ada di UMS melalui saluran yang disediakan.

"Pada masa hadapan, 'UMS Net' akan menyediakan satu saluran khusus bagi mendokumentasi dan mempromosikan kejayaan para pelajar UMS," katanya.

Beliau turut mengaibak kakitangan dan pelajar UMS serta orang ramai memberi sedorongan terhadap media sosial universiti untuk memastikan keberkesanan sistem penyampaian dan ketertarikan UMS.

"Saya dengan rendah diri bagi pihak pengurusan UMS memohon untuk menekan butang 'subscribe' pada 'UMS Net' dan butang 'like' pada Facebook rasmi 'UMS Official'," katanya.

Majlis pelancaran yang berlangsung di Galeri Majlis Bangunan Canselor UMS turut diuarikan secara langsung di UMS Net dan Facebook UMS Official.